

PM maklum pandangan kenaikan gaji minimum, sumbangan KWSP

Isu dibangkit pada mesyuarat, keputusan ketika penggulungan belanjawan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengambil maklum semua pandangan dan kebimbangan berhubung cadangan kenaikan gaji minimum serta peningkatan sumbangan wajib Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Fahmi Fadzil, berkata isu itu ada dibangkitkan pada mesyua-

rat Jemaah Menteri yang dipengerusikan Perdana Menteri semalam.

“Beberapa keputusan atau pengumuman yang dibuat sewaktu pembentangan Belanjawan (2025) pada 18 Oktober, Perdana Menteri sudah dimaklumkan mengenai pandangan ini.

“Sudah pasti beliau akan mengambil kira (semua pandangan serta kebimbangan) dan kita tunggu sebarang keputusan sewaktu penggulungan (belanjawan) nanti, Insya-Allah oleh pihak Kementerian Kewangan,” katanya pada sidang media pasca mesyuarat Jemaah Menteri di sini, semalam.

Pada pembentangan Belanjawan 2025 minggu lalu, Anwar mengumumkan gaji minimum dinaikkan daripada RM1,500 kepada RM1,700, manakala pekerja asing akan diwajibkan menca- rum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).



Fahmi pada sidang media selepas Mesyuarat Kabinet di Putrajaya, semalam.
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Berikutan itu, Persatuan Perusahaannya Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Malaysia) menyuarakan kebimbangan berhubung cadangan itu.

Persatuan itu mendakwa langkah itu mungkin memberikan tekanan kewangan yang tidak mampu ditanggung oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS), terutama pada saat perniagaan kecil masih dalam proses pemulihan selepas pandemik.

Presiden Kebangsaan SME Malaysia, Chin Chee Seong dilaporkan berkata, walaupun usaha kerajaan meningkatkan kebajikan pekerja dihargai, pelaksanaan dasar itu tanpa sokongan tambahan bakal mengugat kelangsungan sektor PKS.

Mengulas lanjut, Fahmi berkata, selain SME, beberapa pandangan termasuk dari syarikat pengusaha ladang turut dibangkitkan pada mesyuarat Kabinet semalam.